

Hubungan antara Tahap Kesiediaan dan Motivasi Pelajar Sarjana Pendidikan Semasa Pembelajaran Atas Talian

(The Relationship between Students' Readiness and Motivation Among Postgraduate Students During Online Learning)

Zakira Roslan^{1*}, Shahlan Surat²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p103769@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Zakira Roslan

(p103769@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kesediaan pelajar

Motivasi pelajar

Pembelajaran atas talian

KEYWORDS:

Students' readiness

Motivation

Online learning

CITATION:

Zakira Roslan & Shahlan Surat. (2022). Hubungan antara Tahap Kesiediaan dan Motivasi Pelajar Sarjana Pendidikan Semasa Pembelajaran Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001652. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1652>

Sesi pembelajaran atas talian telah dikuatkuasakan secara menyeluruh apabila wabak COVID-19 tular dalam kalangan masyarakat dan menyebabkan perintah kawalan pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Namun, masih lagi terdapat pelajar yang kurang mahir dengan teknologi maklumat yang tersedia kini tetapi mereka perlu segera memahirkan diri dan belajar dalam masa yang singkat supaya tidak mengganggu aktiviti pembelajaran. Oleh itu, kesiediaan pelajar mempunyai peranan yang sangat penting dalam memastikan manfaat kecanggihan teknologi dan keberkesanan pelaksanaan pembelajaran atas talian boleh diterima oleh pelajar secara optimum untuk meningkatkan tahap motivasi mereka. Disebabkan tahap kesiediaan dan motivasi adalah berkaitan antara satu sama lain, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tahap kesiediaan dan tahap motivasi serta pengalaman pembelajaran atas talian pelajar Sarjana Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kaedah persampelan rawak berkelompok telah digunakan untuk mendapatkan seramai 164 orang responden kajian sebelum pautan soal selidik diedarkan melalui e-mel. Hasil analisis data mendapati bahawa tahap kesiediaan dan motivasi pelajar Sarjana Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada pada tahap yang tinggi dan tahap kesiediaan pelajar juga mempunyai hubungan yang kuat dan positif dengan tahap motivasi serta pengalaman pembelajaran atas talian pelajar-pelajar. Pengkaji menyarankan penglibatan sampel kajian yang lebih besar seperti pelajar-pelajar di universiti-universiti awam Malaysia supaya data yang bakal diperoleh boleh digeneralisasikan dengan lebih meluas dan boleh mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang boleh diguna pakai oleh semua Institusi Pengajian Tinggi pada masa hadapan.

ABSTRACT

Online learning has been enforced as soon as COVID-19 continues to spread around the world in a fast rate which resulted to the enforcement of Movement Control Order (MCO) from the government. However, there are still a number of students who have yet to be efficient in the technology in education but situation has forced them to quickly familiarised themselves in a short period of time so their learning process will not be affected. Hence, students' readiness is crucial in ensuring all benefits of the advanced technology in education can reach their full potential and students' involvement in the process is guaranteed. This study aims to investigate the relationship between the level of readiness with motivation and online learning experience among Education Postgraduate students in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). A random cluster sampling method has been used to obtain 164 postgraduate students before a link to a questionnaire is distributed through an email. Findings show that postgraduate students in UKM have high level of readiness and motivation followed by a strong and significant relationship between level of readiness with motivation and online learning experience. It is recommended to use bigger sample size for future studies such as students from all public higher learning institutions in Malaysia in order for the findings to be generalised in wider aspects and could affect the nation's teaching and learning implementation henceforth.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada yang telah mengkaji aspek kesediaan dan motivasi pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi sekitar Malaysia supaya gambaran yang lebih menyeluruh aspek-aspek tersebut boleh dijadikan panduan untuk pihak pentadbiran dan juga pengurusan mana-mana Institusi Pengajian Tinggi dalam penghasilan modul pelaksanaan pembelajaran atas talian yang lebih efektif kepada semua pelajar.

1. Pengenalan

COVID-19 telah mengakibatkan satu transformasi terhadap penggunaan platform pengajaran dan pembelajaran digital yang luas kepada sebahagian institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Semenjak wabak tersebut mula tular di seluruh dunia, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan sekolah-sekolah untuk tutup bermula pada 18 Mac 2020, kecuali bagi pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan utama bagi mengekang wabak ini daripada terus tular ([Berita Harian Online, 2020](#)). Namun begitu, pelajar pendidikan aras tinggi di peringkat universiti atau kolej masih lagi boleh meneruskan sesi pembelajaran seperti biasa tetapi hanya melalui platform atas talian yang tersedia ada seperti Google Meet, Zoom, Microsoft Teams dan sebagainya. Berdasarkan [Ria Wadhawan \(2017\)](#), kelas atas talian boleh memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang menyertainya kerana mereka boleh menyusun masa pembelajaran mengikut jadual mereka sendiri, malah turut memudahkan pelajar dimana mereka tidak perlu berulang-alik ke kampus dan dapat mengurangkan masa yang terbazir di atas jalanraya. [Zahiah dan Abdul Razaq \(2010\)](#) turut menyatakan bahawa penggunaan

internet secara teratur dan terancang boleh meningkatkan mutu dan kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran secara optimum.

Mahupun begitu, cabaran-cabaran semasa pembelajaran atas talian mungkin akan memberikan kesan kepada sesetengah individu, bergantung kepada cara mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi. [Nurul Husna \(2020\)](#) ada menyenaraikan empat cabaran pembelajaran atas talian, iaitu ketiadaan peranti ketika pembelajaran atas talian, suasana yang kurang kondusif, kemahiran guru dalam menggunakan teknologi digital dan sikap pelajar ketika sesi pembelajaran atas talian. Seperti yang sedia maklum, suasana di rumah bukanlah suasana yang kondusif untuk bekerja mahupun belajar dari rumah. [Sim \(2020\)](#) dalam Media Permata melaporkan sebanyak 67.03 peratus daripada jumlah sampel kajian tidak suka bekerja dan belajar daripada rumah. Terdapat juga segelintir daripada peratusan tersebut mengalami kesukaran untuk fokus lebih lama atas talian berbanding sewaktu kelas jenis tradisional iaitu bersemuka. Hal ini turut disokong oleh [Norlaila et al. \(2020\)](#) bahawa kesediaan pelajar menerima peranti mudah alih dikatakan mengalihkan perhatian pelajar dari pembelajaran. Berdasarkan [Nor Aidawati dan Mazidah \(2021\)](#), kekusaran tentang kesediaan pelajar untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran menerusi sistem atas talian seperti Google Classroom, Google Slides dan Google Meet wujud apabila pelajar terpaksa menggunakan platform-platform tersebut secara segera. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat pelajar yang kurang mahir dengan teknologi maklumat yang tersedia kini dan mereka perlu segera memahirkan diri dan belajar dalam masa yang singkat supaya tidak mengganggu aktiviti pembelajaran.

Aspek kesediaan pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penerimaan manfaat suatu kecanggihan teknologi yang diperkenalkan dan keberkesanan pelaksanaan suatu proses pembelajaran yang bermakna serta tahap keterlibatan murid untuk belajar. Oleh itu, amatlah penting bagi pelajar-pelajar untuk mempunyai tahap kesediaan yang tinggi sebelum menghadiri kelas atas talian supaya mereka boleh memperoleh manfaat yang optimum bagi setiap sesi yang dihadiri secara maya. [Muzafar dan Hasmadi \(2021\)](#) pula menyatakan bahawa aspek kesediaan yang merangkumi fasiliti komputer, kemahiran komputer, kepenggunaan komputer dan juga akses kepada teknologi perlu dikaji oleh penyelidik bagi memahami fahaman dan juga pengetahuan sebenar para pelajar mengenai pendekatan e-pembelajaran atau pembelajaran secara maya. Aspek motivasi pula adalah dipengaruhi oleh tahap kesediaan pelajar-pelajar itu sendiri. Sekiranya pelajar mampu untuk bersedia dari segi mental dan juga fizikal sebelum menjalani pembelajaran atas talian, sudah tentu simptom seperti kemurungan, kebimbangan dan juga stres dapat dielakkan dan mereka menjadi lebih bermotivasi untuk mempelajari ilmu baru ([Haizvanie & Norzaini, 2021](#)). Kajian lepas juga mendapati motivasi pelajar mampu menggerakkan mereka untuk sentiasa beradaptasi dengan perubahan yang berlaku sepanjang tempoh pembelajaran ([Maila, 2021](#)).

Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan ini baru sahaja dikuatkuasakan untuk pertama kali pada tahun 2020 yang lalu, masih kurang kajian yang telah dijalankan bagi mengetahui tahap motivasi dan kesediaan pelajar semasa kelas atas talian seiring dengan penularan Covid-19 yang makin berleluasa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi pelajar serta kesediaan pelajar dan pengalaman pembelajaran atas talian. Pengkaji telah menetapkan sampel kajian iaitu pelajar-pelajar sarjana di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah mengedarkan satu soal

selidik yang terdiri daripada empat bahagian kepada semua peserta kajian. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua penuntut institusi pembelajaran pada setiap peringkat di seluruh Malaysia dan hasil kajian ini hanyalah sebagai gambaran kepada tahap kesediaan dan motivasi populasi yang terlibat atau yang berkongsi ciri-ciri yang sama seperti populasi kajian ini. Selain itu, semua komunikasi atau maklum balas antara pengkaji dengan sampel hanya dapat dilakukan melalui aplikasi WhatsApp, Telegram, dan juga e-mel akibat daripada limitasi pergerakan dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan seiring dengan tempoh kajian ini dijalankan. Diharapkan agar dapatan kajian ini mampu memberikan data dan gambaran kepada para pensyarah untuk menyediakan kandungan pembelajaran dengan lebih rapi, sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terus dilaksanakan untuk suatu jangka masa yang panjang. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan pihak pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membantu meningkatkan tahap kesediaan pelajar dengan menangani isu-isu yang diketengahkan iaitu aspek motivasi, pengetahuan dan juga sikap semasa pembelajaran atas talian.

Jadi, aspek tahap kesediaan dan motivasi pelajar perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat mengenai kebolehan pelajar-pelajar menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran norma baharu iaitu secara atas talian. Sekiranya kajian ini tidak dijalankan secara meluas, tiada pendedahan terhadap kesan negatif pembelajaran atas talian sepenuh masa kepada tahap kesihatan mental pelajar-pelajar aras tinggi. Kadar pelajar yang mengalami kemurungan juga akan bertambah sekiranya tiada pelan intervensi dijalankan oleh pihak yang berkaitan.

2. Sorotan Kajian

2.1. Kesediaan Semasa Pembelajaran atas Talian

[Nor Aidawati dan Mazidah \(2021\)](#) mendapati tahap kesediaan pelajar-pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin didapati berada pada tahap sederhana. Walaupun begitu, secara keseluruhannya semua pelajar-pelajar di institut pendidikan tersebut mempunyai kemudahan sedia ada yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran atas talian ini. Dapatan tersebut turut disokong oleh [Kaviza \(2020\)](#) yang menyatakan bahawa tahap kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom sebagai platform pembelajaran sejarah berada pada tahap sederhana. Selain itu, [Abdul Aziz dan Aida Zuraina \(2020\)](#) juga telah memperoleh dapatan dalam satu kajian yang menunjukkan tahap kesediaan, motivasi dan pengalaman pembelajaran atas talian pelajar-pelajar di Politeknik Seberang Prai berada di tahap sederhana. Tambahan pula, kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran atas talian.

Berbeza dengan kajian sebelum ini, [Norasyikin dan Mohd Isa \(2016\)](#) telah mengkaji hubungan antara kesediaan pelajar dalam pembelajaran *blended learning* berdasarkan jantina dan juga program yang diikuti. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara kesediaan pelajar lelaki dan pelajar perempuan untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning*. Kajian ini juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara kesediaan untuk mengikuti pembelajaran ini berdasarkan program pelajar-pelajar. Dapatan kajian oleh [Kaviza \(2020\)](#) juga menemukan bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan

aplikasi Google Classroom berdasarkan jantung dan aliran mata pelajaran. Hasil daripada kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar-pelajar semasa sesi pembelajaran atas talian ini tidak mempunyai hubungan terhadap jantung mahupun program pelajar-pelajar.

2.2. Motivasi Semasa Pembelajaran atas Talian

Muhamad Suhaimi (2012) mendefinisikan motivasi intrinsik sebagai kecenderungan untuk melakukan tugas kerana faktor-faktor dalaman seperti minat, perasaan, keinginan dan seumpama dengannya. Manakala berdasarkan Brown (2007), motivasi ekstrinsik ialah kecenderungan untuk melakukan tugas demi ganjaran dalam bentuk fizikal atau psikologi. Dalam erti kata lain, individu yang didorong secara ekstrinsik ini akan melakukan sesuatu jika terdapat faktor luar yang mempengaruhi tingkah laku mereka seperti hadiah, kemasyhuran, pujian dan sebagainya. Sebaliknya, individu yang melakukan tugas kerana dorongan motivasi intrinsik ini tidak mengharapkan ganjaran mahupun perhatian kerana mereka lakukan tugas tersebut demi memenuhi kepuasan diri sendiri. Bagi mengkaji hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik pelajar, Muhammad Ikmal, Nurazwa dan Nor Kamariah (2020) telah mendapati bahawa hubungan motivasi intrinsik dan pencapaian akademik berada di tahap sederhana, manakala hubungan motivasi ekstrinsik dan pencapaian akademik berada di tahap yang rendah. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian lepas yang telah dijalankan oleh Othman dan Ismail (2012) yang membuktikan bahawa pencapaian akademik yang lebih baik dipengaruhi oleh motivasi intrinsik. Muhamad Suhaimi (2012) juga berpendapat bahawa motivasi intrinsik didapati membuatkan tugas yang diberi nampak mudah di samping merangsang fokus dan kreativiti individu secara optimum.

Walau bagaimana pun, pernyataan tersebut bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Uzir, Rohaidah dan Sharil Nizam (2018) yang mendapati motivasi tidak mempunyai kesan terhadap persepsi pelajar-pelajar terhadap sesuatu subjek yang dipelajari. Hasil daripada perbandingan dapatan kajian-kajian lepas telah menyumbang kepada kesimpulan bahawa aspek hubungan motivasi terhadap sikap dan pencapaian pelajar-pelajar perlu dikaji dengan lebih mendalam supaya proses pembelajaran yang lebih kondusif dapat dijalankan. Kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa tahap kesediaan dan motivasi pelajar-pelajar semasa sesi pembelajaran atas talian boleh memberikan kesan ke atas pengalaman pembelajaran itu sendiri. Hal ini kerana motivasi merupakan pendorong kepada kesediaan pelajar-pelajar untuk mengikuti kelas yang dijalankan supaya objektif pembelajaran yang ditetapkan boleh dicapai tanpa sebarang halangan dan masalah. Selain itu, kajian yang mengkaji hubungan antara motivasi dan tahap kesediaan pelajar terhadap pengalaman pembelajaran perlu dijalankan secara berkala kerana teknologi pada zaman kini sentiasa berkembang dengan pesat dan pelajar perlu sentiasa menyediakan kemudahan yang tersedia untuk mengasah kemahiran teknologi supaya pengalaman pembelajaran mereka berada pada tahap yang optimum.

2.3. Pembelajaran Atas Talian

Nur Fatin Ashikin et al. (2020) telah menjalankan satu kajian bagi mengenal pasti sikap dan penerimaan pelajar-pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) terhadap pembelajaran atas talian dan memperoleh rumusan bahawa sikap dan penerimaan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap amalan pembelajaran atas talian. Selain itu, tahap keserasian penggunaan kemudahan yang ada bagi pembelajaran

atas talian berada pada tahap yang sederhana, bergantung kepada penerimaan kaedah pembelajaran ini. Oleh itu, [Muhammad Izzat, Zuriani dan Nur Hafizaliyana \(2020\)](#) mencadangkan untuk mempertingkatkan lagi usaha penambahbaikan yang lebih tinggi dan berkesan secara berkala kerana kajian yang dijalankan mendapati persepsi pelajar-pelajar dalam lima aspek – kandungan, interaksi, maklum balas pensyarah, motivasi, dan akses pembelajaran atas talian berada pada tahap yang sederhana.

Tambahan pula, pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga sering berhadapan dengan empat cabaran utama semasa pembelajaran atas talian iaitu masalah kemudahan internet, kos langganan internet yang mahal, persekitaran yang tidak kondusif serta tahap keberkesanan pembelajaran yang rendah ([Mahathir & Wardatul, 2021](#)). Namun begitu, faktor-faktor luaran semasa pembelajaran tidak akan dapat dikawal secara konsisten kerana persekitaran dan lokasi di mana pelajar-pelajar berada tidak boleh dikawal oleh pendidik dan pihak kerajaan. Oleh itu, aspek motivasi dan tahap kesediaan masih lagi perlu dikaji dari semasa ke semasa kerana pengalaman pembelajaran atas talian saling berkait rapat dengan kedua-dua aspek tersebut.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian, Populasi dan Sampel

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan jenis kuantitatif. Menurut [Creswell \(2008\)](#), kajian jenis kuantitatif ini merupakan satu jenis penyelidikan yang memerlukan pengkaji menghasilkan objektif kajian yang terperinci, menyenaraikan soalan-soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data dan menganalisis data menggunakan statistik. Selain itu, reka bentuk kajian ini merupakan kaedah penyelidikan yang paling sesuai semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dikuatkuasakan kerana limitasi untuk bersua muka dengan sampel kajian. Berdasarkan pernyataan yang dinyatakan oleh [Khairiah \(2019\)](#), kaedah kuantitatif digunakan bagi memperoleh gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu isu yang ingin dikaji. Hal ini selari dengan objektif kajian ini di mana aspek tahap kesediaan dan motivasi perlu dikaji secara luas dan menyeluruh supaya data yang diperoleh boleh digeneralisasikan kepada kesemua pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sasaran populasi bagi kajian ini merupakan 282 orang pelajar-pelajar peringkat Sarjana di Fakulti Pendidikan, UKM. Seramai 164 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan penentuan saiz sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#) yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian. Sampel kajian pula dipilih menggunakan teknik persampelan rawak secara berkelompok di mana kesemua sampel mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu mengikuti program peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Mod C – kerja kursus sahaja. Rasional pemilihan sampel kajian adalah kerana kajian ini mengkaji tahap kesediaan dan motivasi pelajar semasa sesi pembelajaran atas talian dan Pelajar-pelajar sarjana yang mengambil Mod C sahaja yang perlu mengikuti kelas secara atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pasca COVID-19 kini untuk memenuhi keperluan unit program yang diambil.

3.2. Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Satu set soal selidik telah diadaptasi daripada kajian yang telah dijalankan oleh [Abdul Aziz dan Aida \(2020\)](#) yang mempunyai objektif yang sama dengan kajian ini tetapi

dengan sampel kajian yang berbeza. Berdasarkan [Gay et al. \(2012\)](#) instrumen kajian perlu selari dengan keperluan kajian dan ianya boleh dibina sendiri, diadaptasi daripada yang sedia ada atau diubahsuai daripada instrumen yang tersedia bergantung kepada objektif-objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Sebelum instrumen kajian dipilih, objektif-objektif kajian telah ditetapkan terlebih dahulu berdasarkan permasalahan kajian yang dijumpai dan seterusnya item-item soal selidik dipilih berdasarkan hipotesis kajian yang dibina. Soal selidik kajian ini diedarkan melalui pautan *Google Form* kepada 164 e-mel pelajar-pelajar peringkat Sarjana mod kerja kursus di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diperoleh daripada pihak universiti sendiri.

Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada empat bahagian iaitu A, B, C dan D di mana kesemua bahagian tersebut mempunyai bilangan soalan yang sama iaitu 10 soalan. Bahagian A merangkumi soalan yang menggunakan data nominal manakala Bahagian B sehingga D menggunakan data skala Likert 4 mata iaitu "1=Sangat tidak setuju", "2=Tidak setuju", "3=Setuju", dan "4=Sangat setuju". [Cohen et al. \(2000\)](#) dalam [Abdul Aziz dan Aida \(2020\)](#) menjelaskan penggunaan skala Likert 4 mata dapat digunakan bagi mengelakkan responden untuk tidak memberikan sebarang pendapat kerana ianya tidak mempunyai titik tengah. Bahagian A merangkumi maklumat jantina, umur, status pembelajaran dan jumlah semester. Bahagian B pula merangkumi soalan mengenai motivasi pelajar terhadap pembelajaran atas talian, Bahagian C untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian, manakala Bahagian D mengandungi soalan untuk mengetahui pengalaman pembelajaran atas talian. Data kajian rintis menggunakan soalan-soalan skala Likert 4 mata telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item yang digunakan. Hasil analisis mendapati nilai *Cronbach Alpha* bagi setiap bahagian adalah 0.906, 0.840, 0.848. Berdasarkan jadual interpretasi skor *Cronbach Alpha* oleh [Bond dan Fox \(2015\)](#), nilai *Cronbach Alpha* 0.8 sehingga 1.0 mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik dan efektif. Oleh itu, kesemua item dalam soal selidik ini boleh digunakan.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan inferensi dalam perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Selain itu, data tersebut juga dipaparkan dalam bentuk graf dan jadual bagi menunjukkan frekuensi, min dan juga sisihan piawai. Disebabkan terdapat pelbagai cadangan interpretasi statistik deskriptif, kajian ini menggunakan interpretasi yang dicadangkan oleh [Asrul Azmin \(2010\)](#) di mana nilai min 1.00 sehingga 1.33 adalah rendah, 1.34 sehingga 2.66 diinterpretasi sebagai sederhana, dan 2.67 sehingga 4.00 diinterpretasikan sebagai tinggi. Manakala bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian ini, analisis inferensi Korelasi Spearman digunakan untuk mengkaji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Hasil daripada analisis Korelasi diinterpretasikan menggunakan anggaran kekuatan hubungan daripada sumber [Cohen \(1988\)](#) yang menyatakan nilai 0.00 bermaksud tiada hubungan, 0.10-0.29 mempunyai hubungan yang lemah, 0.30-0.49 mempunyai hubungan yang sederhana, dan 0.50-1.00 mempunyai hubungan yang kuat.

4. Dapatan Kajian

4.1. Maklumat Demografi Responden

[Jadual 1](#) menunjukkan kekerapan dan peratusan berdasarkan jantina, umur, status pembelajaran dan semester semasa dalam kalangan 164 orang responden yang merupakan pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di UKM. Seramai 108 (65.9%) orang

pelajar perempuan yang terlibat dalam kajian ini berbanding pelajar lelaki yang terlibat iaitu 56 orang (34.1%). Majoriti sampel kajian berada dalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun (77 orang, 47%), diikuti dengan lingkungan umur 30 hingga 39 tahun (61 orang, 37.2%) manakala lingkungan umur 40 hingga 49 tahun adalah seramai 26 orang (15.9%) sahaja. Bagi status pembelajaran pula, mod pengajian sepenuh masa mempunyai frekuensi lebih tinggi iaitu 86 orang (52.4%), manakala bagi pengajian separuh masa pula adalah 78 orang (47.6%). Yang terakhir sekali, majoriti daripada responden kajian ini (74 orang, 45.7%) sedang berada dalam tahun kedua pengajian (semester 3-4), diikuti dengan 43 orang (26.2%) bagi semester 5-6 dan 42 orang (25.6%) bagi semester 1-2. Hanya 4 orang (2.4%) responden kajian sahaja telah tamat pengajian semasa menjawab soal selidik yang diedarkan.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	56	34.1
	Perempuan	108	65.9
Umur	20-29 tahun	77	47
	30-39 tahun	61	37.2
	40-49 tahun	26	15.9
Status Pembelajaran	Separuh Masa	78	47.6
	Sepenuh Masa	86	52.4
Semester Semasa	1-2	42	25.6
	3-4	75	45.7
	5-6	43	26.2
	Tamat Pengajian	4	2.4

4.2. Tahap Motivasi dan Kesiediaan Pelajar Sarjana Pendidikan

Jadual 2 menunjukkan min keseluruhan bagi tahap motivasi dan juga tahap kesiediaan responden kajian iaitu pelajar Sarjana Pendidikan di UKM. Nilai min keseluruhan bagi kesiediaan adalah sedikit tinggi iaitu min = 3.36 berbanding nilai bagi motivasi iaitu min = 3.35. Namun begitu, berdasarkan interpretasi min yang dicadangkan oleh [Asrul Azmin \(2010\)](#), kedua-dua pemboleh ubah ini berada pada tahap yang sama iaitu tinggi.

Jadual 2: Analisis tahap motivasi dan kesiediaan

	Min Motivasi	Min Kesiediaan
Mean	3.3500	3.3646
N	164	164
Std. Deviation	.67164	.51458
Interpretasi Tahap	Tinggi	Tinggi

4.3. Hubungan antara Tahap Kesiediaan dan Motivasi Pelajar Sarjana Pendidikan

Untuk menguji hubungan antara tahap kesiediaan dan motivasi pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di UKM semasa tempoh pembelajaran atas talian, satu hipotesis nul telah dibentuk dan diuji seperti berikut:

H₀₁: Tidak terdapat hubungan antara tahap kesediaan dan motivasi pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di UKM semasa tempoh pembelajaran atas talian.

Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis korelasi Spearman yang telah dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dengan nilai $r = 0.63$ dan $\text{sig} = 0.00$ ($p < 0.05$). Oleh kerana nilai sig adalah kurang daripada nilai $p < 0.05$, ini bermakna tahap kesediaan dan tahap motivasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekuatan positif yang kuat. Jadi, hipotesis nul (H₀₁) ditolak. Ini membawa maksud tahap kesediaan memberikan kesan kepada tahap motivasi pelajar semasa pembelajaran atas talian di mana sekiranya tahap kesediaan mereka tinggi, maka tahap motivasi mereka turut menjadi tinggi.

Jadual 3: Hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi

			Motivasi	Kesediaan
Spearman's rho	Motivasi	Correlation Coefficient	1.000	.627**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	164	164
	Kesediaan	Correlation Coefficient	.627**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	164	164

** . Pekali korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

4.4. Hubungan antara Tahap Kesediaan dan Pengalaman Pembelajaran atas Talian

Bagi menguji hubungan antara tahap kesediaan dan pengalaman pembelajaran pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di UKM pula, hipotesis nul yang kedua telah dibentuk dan diuji seperti berikut:

H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan dan pengalaman pembelajaran atas talian bagi pelajar Sarjana Pendidikan di UKM.

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis korelasi Spearman yang juga telah dijalankan menggunakan perisian yang sama iaitu SPSS versi 26.0. Hasil analisis ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah berkaitan dengan nilai $r = 0.60$ dan $\text{sig} = 0.00$ ($p < 0.05$). Oleh kerana nilai sig adalah kurang daripada $p < 0.05$, terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara tahap kesediaan dan pengalaman pembelajaran responden kajian. Maka, hipotesis nul (H₀₂) ditolak. Ini bermaksud semakin tinggi tahap kesediaan pelajar-pelajar, semakin efektif dan positif pengalaman pembelajaran atas talian mereka.

Jadual 4: Hubungan antara tahap kesediaan dan pengalaman pembelajaran

			Kesediaan	Pengalaman
Spearman's rho	Kesediaan	Correlation Coefficient	1.000	.596**

	Sig. (2-tailed)	.	.000
	N	164	164
Pengalaman	Correlation Coefficient	.596**	1.000
	Sig. (2-tailed)	.000	.
	N	164	164

** . Pekali korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

5. Perbincangan

Kesediaan dan motivasi pelajar merupakan dua aspek yang penting dalam menentukan keberkesanan dan penerimaan pengetahuan semasa sesi pengajaran, tidak kira secara tradisional iaitu bersemuka ataupun secara atas talian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tahap kesediaan dan motivasi serta tahap kesediaan dan juga pengalaman pembelajaran secara atas talian bagi pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan dan juga motivasi pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di UKM berada pada tahap yang tinggi sepanjang sesi pembelajaran secara atas talian telah dijalankan. Kesediaan dan motivasi pelajar-pelajar semasa pelaksanaan pembelajaran atas talian adalah berkait rapat dengan peranti yang dimiliki, kemudahan akses internet dan juga kemahiran dalam teknologi yang sedia ada. Hal tersebut boleh disokong oleh [Nor Aidawati dan Mazidah \(2021\)](#) yang menyatakan kemudahan yang sedia ada sangat mempengaruhi pelaksanaan dan efikasi pembelajaran secara norma baru iaitu atas talian kerana kajian yang dijalankan pengkaji-pengkaji tersebut telah mendapati bahawa nilai keseluruhan min bagi kesediaan dan motivasi daripada aspek kemudahan seperti jenis peranti, infrastruktur dan juga internet adalah tinggi. Malah, tahap kesediaan yang tinggi boleh memberikan kesan kepada tahap motivasi pelajar-pelajar. Dapatan ini adalah selari dengan kajian oleh [Haizvanie dan Norzaini \(2021\)](#) serta [Siti Khadijah dan Norzaini \(2021\)](#) yang menunjukkan tahap motivasi daripada lima dimensi utama iaitu intrinsik, ekstrinsik, nilai tugas, kawalan pembelajaran dan juga efikasi pelajar semasa pembelajaran atas talian berada pada tahap yang tinggi. Tambahan pula, [Muzafar dan Hasmadi \(2021\)](#), [Aguilera-Hermida et al. \(2020\)](#), dan juga [Mohd Zulhasnan, Fadli dan Sharifuddin \(2019\)](#) pula telah mendapati bahawa kesediaan pelajar-pelajar berada pada yang tinggi, bertepatan dengan dapatan kajian ini. Jadi, amat penting bagi pelajar untuk menyediakan diri mereka dari aspek jenis peranti, akses internet dan juga kemahiran asas dalam teknologi yang digunakan dalam pendidikan bagi meningkatkan tahap kesediaan dan juga motivasi untuk pembelajaran atas talian.

Seterusnya, dapatan bagi hubungan kesediaan dan motivasi berada pada tahap yang kuat dan positif. Hubungan ini terjadi kerana pelajar yang bersedia daripada aspek mental dan fizikal lebih cenderung untuk mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi kerana mereka lebih bersemangat dan bersedia untuk mempelajari pengetahuan yang baru. Perkara tersebut disokong oleh [Nurulhuda et al. \(2017\)](#) serta [Hazwani et al. \(2016\)](#) yang bersetuju bahawa hubungan korelasi yang kuat boleh membawa maksud tahap kesediaan dan tahap motivasi pelajar bergerak seiring di mana kesediaan yang tinggi akan melahirkan motivasi untuk mengikuti pembelajaran yang atas talian yang tinggi. Ini adalah seiring dengan kajian yang telah dijalankan oleh [Rosmilawati et al. \(2020\)](#) yang juga mendapati hubungan yang kuat antara kesediaan dan motivasi pelajar

semasa pembelajaran atas talian. Oleh itu, kesediaan mental dan juga fizikal memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan tahap kesediaan pembelajaran atas talian. Semakin tinggi tahap kesediaan mereka, semakin tinggi tahap motivasi yang dirasakan.

Selanjutnya, didapati terdapat hubungan yang kuat dan juga positif antara tahap kesediaan pelajar dan pengalaman pembelajaran atas talian. Pelajar yang mampu menyediakan peranti, internet dan juga mental sebelum kelas atas talian bermula berpotensi untuk mempunyai pengalaman pembelajaran yang lebih positif berbanding sebaliknya kerana sekiranya tahap kesediaan pelajar adalah tinggi, maka pengalaman pembelajaran juga menjadi semakin positif. Hal ini disokong oleh [Rozeila dan Nur \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa semua pelajar perlu bersedia sebelum kelas dalam talian bermula dengan menyediakan kelengkapan yang perlu kerana penularan wabak Covid-19 telah menuntut pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran untuk dijalankan secara maya demi menjamin keselamatan semua pihak yang terlibat. Selain itu, [Nor Sahara dan Zulkarnain \(2021\)](#) juga berpendapat bahawa peranti dan kemudahan internet yang baik diperlukan untuk menjamin kesediaan dalam menjalani pembelajaran atas talian supaya efikasi sesi pembelajaran tersebut menjadi lebih positif dan bermakna. Konklusinya, ketiga-tiga aspek iaitu kesediaan, motivasi dan juga pengalaman pembelajaran mempunyai hubungan yang kuat kerana apabila pelajar lebih bersedia untuk belajar secara atas talian, secara tidak langsungnya tahap motivasi mereka akan mempengaruhi pengalaman pembelajaran mereka.

6. Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa tahap kesediaan dan motivasi pelajar Sarjana Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada pada tahap yang tinggi dan tahap kesediaan pelajar juga mempunyai hubungan yang kuat dan positif dengan tahap motivasi serta pengalaman pembelajaran atas talian pelajar-pelajar. Semasa proses pengumpulan data sedang berlangsung, pengkaji telah menghadapi beberapa limitasi di mana beberapa e-mel berupa peringatan perlu diedarkan dengan kerap kerana menjawab soal selidik ini bukanlah urusan yang penting berbanding tugas kerja yang ada. Selain itu, fokus kajian ini hanya tertumpu kepada populasi kajian iaitu pelajar peringkat Sarjana Pendidikan di UKM dan dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh populasi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Kajian ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan secara atas talian sepanjang penularan wabak Covid-19 kerana didapati pelajar Sarjana Pendidikan di UKM mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dan seterusnya memberikan kesan yang positif kepada pengalaman pembelajaran atas talian. Selain itu, gambaran tentang pengalaman pembelajaran pelajar Sarjana di Fakulti Pendidikan secara khusus boleh diberikan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran universiti dan strategi bagi menambahbaikkan kesediaan dan juga pengalaman pembelajaran boleh dihasilkan. Dapatan yang terhasil daripada kajian ini juga boleh memberikan pendedahan kepada pihak Universiti dan juga para pensyarah mengenai tahap kesediaan dan juga motivasi pelajar peringkat Sarjana sepanjang kaedah pembelajaran atas talian telah dijalankan. Selain itu, gambaran tentang pengalaman pembelajaran pelajar Sarjana Pendidikan boleh diberikan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran universiti supaya langkah intervensi untuk mengatasi sebarang masalah yang timbul hasil daripada pelaksanaan kaedah pembelajaran atas talian ini boleh dirancang dan dilaksanakan dengan kadar segera.

Untuk kajian pada masa hadapan, pengkaji menyarankan penglibatan sampel kajian yang lebih besar seperti pelajar-pelajar di universiti-universiti awam Malaysia supaya data yang bakal diperoleh boleh digeneralisasikan dengan lebih meluas dan boleh mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang boleh diguna pakai oleh semua Institusi Pengajian Tinggi pada masa hadapan. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan agar kajian lanjutan untuk mengkaji aspek-aspek kesediaan dan motivasi pelajar peringkat Sarjana Pendidikan dengan lebih mendalam agar pengalaman pembelajaran yang positif dan efektif boleh menjadi lebih baik seiring dengan kemudahan teknologi dalam bidang pendidikan yang semakin canggih.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Sepanjang tempoh kajian dijalankan, pengkaji mengamalkan etika seperti yang telah digariskan dalam panduan etika penyelidikan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan. Semua peserta kajian telah memberikan persetujuan untuk menyertai kajian ini sebelum menjawab soal selidik yang telah diedarkan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada semua peserta kajian kerana sudi meluangkan sedikit masa bagi menjawab soal selidik yang diedarkan serta kata-kata sokongan yang diberikan semasa kajian ini dijalankan.

Kewangan

Untuk makluman, kajian ini tidak ditaja dan tidak menerima sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran atas Talian: Tinjauan Terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Prai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 66-82.
- Aguilera-Hermida, A. P. (2020). College Students' Use dan Acceptance of Emergency Online Learning Due to COVID-19. *International Journal of Educational Research Open*, 1, 100011.
- Asrul Amin Masiron. (2010). *Hubungan Antara Personaliti dan Penghargaan Kendiri Pelajar Cemerlang Akademik* [Unpublished Manuscript]. MRSM Pontian.
- Berita Harian Online. (2020, March 16). Kerajaan umum Perintah Kawalan Pergerakan mulai Rabu. *Berita Harian Online*.

- <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/03/665949/covid-19-kerajaan-umum-perintah-kawalan-pergerakan-mulai-rabu>
- Bond, T. G. & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences (3rd ed.)*. Eribaum.
- Brown, L. V. (2007). *Psychology and Motivation*. Nova Science Publishers.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences (2nd ed.)*. Eribaum.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education (5th ed.)*. London: Routledge Falmer.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3rd ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. (2012). *Educational Research: Competence for Analysis and Applications (10th ed.)*. Pearson.
- Haizvanie Muhamed Ganasan & Norzaini Azman. (2021). Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 25-40.
- Hazwani Mohd Najib, Noor Raudhah Abu Bakar & Norziah Othman. (2016). E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Insititusi Pengajian Tinggi. *Proceedings of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016*.
- Kaviza, M. (2020). Kesediaan Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 108-115.
- Khairiah Afifah. (2019). *Pengaplikasian Kaedah Kuantitatif Dalam Kajian Sains Sosial Pada Era Transformasi Teknologi* [Unpublished manuscript]. Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan, Universiti Malaya Sabah.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Reasearch Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(1), 11-20.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Pesendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(2018), 82-91.
- Mohd Zulhasnan, M., Fadli, B., & Sharifuddin, R. (2019). Kesediaan Pelajar dalam M-Pembelajaran bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. *Journal of Life Long Learning*, 103-111.
- Muhamad Suhaimi Taat. (2012, October 17). Motivasi Perspektif Pendidikan. *Utusan Malaysia*.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik dengan Pencapaian Akademi Pelajar UTHM. *Kajian Kes di Malaysia*, 45-52.
- Muhammad Izzat, Zuriani Hanim & Nur Hafizaliyana. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik COVID-19. *Jurnal Kesidang*, 5(2020), 88-99.
- Muzafar Mat Yusof & Hasmadi Hj Hassan. (2021). Tahap Kesediaan Pelajar Diploma dalam Mengimplimentasikan Kaedah E-Pembelajaran di Politeknik Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(1), 53-63.
- Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa. (2021). Kesediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat &

- Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 3(8), 114-124.
- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid. (2021). Kajian Kesiediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Membendung Covid-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 195-202.
- Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah. (2016). Hubungan Kesiediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Berasaskan Blended Learning Berdasarkan Jantina dan Program. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2).
- Norlaila Che Murat, Rosseni Din & Mohammed Huzaimi Alias. (2020). Kesiediaan Pelajar Tingkatan 6 Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Pendidikan. *Journal of Personalized Learning*, 3(1), 79-86.
- Nur Fatin Ashikin Mohamed Aziz, Eta Wahab, Alina Shamsuddin, Nor Hazana Abdullah, & Wan Nurul Karimah Wan Ahmad. (2020). Hubungan antara Sikap dan Penerimaan Pelajar Terhadap Amalan Pembelajaran atas Talian. *Research Management of Technology and Business*, 1(1), 104-113.
- Nurul Husna Hanafi. (2020, December 5). *4 Cabaran Pembelajaran Atas Talian di Malaysia*. Webpendidikan.my. <https://webpendidikan.my/4-cabaran-pembelajaran-atas-talian-di-malaysia/>
- Nurulhuda Salim, Norfadzilah Mohamad Yatim, & Haslan Azis. (2017). *M-Pembelajaran: Kesiediaan Pelajar KKBBM Terhadap Era Baru Medium Pembelajaran*. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition.
- Othman, M. S. & Ismail, M. F. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan di SMAP Kajang. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, 173-189.
- Ria Wadhawan. (2017). *Kelebihan & Kekurangan Pendidikan Dalam Talian*. The University Network. <https://ms.tun.com/blog/pro-kontra-online-pendidikan/>
- Rosmilawati AB Rahman, Raja Ahmad Syawal Raja Musa, & Mohd Sahril Mohd Fouzi. (2020). Kesiediaan dan Motivasi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak untuk Menghadapi Norma Baharu Sewaktu Pandemik Coronavirsu Disease (COVID-19): Pembelajaran Secara atas Talian. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1).
- Rozeila Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2022). Pembelajaran Secara dalam Talian: Tahap Kesiediaan dan Keberkesanan Pelaksanaannya kepada Pelajar. *LSP International Journal*, 9(1), 31-43.
- Sim, Y. H. (2020, April 29). *Lebih Ramai Suka ke Sekolah dan Bekerja di Pejabat*. Media Permata. <https://mediapermata.com.bn/lebih-ramai-suka-ke-sekolah-dan-bekerja-di-pejabat/>
- Siti Khadijah Mohd Razali & Norzaini Azman. (2021). Pembelajaran dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19: Faktor Akses Internet dan Sosioekonomi terhadap Motivasi pelajar Kolej Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), 1-14.
- Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2010). E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010*, 209-218.